

24 JAN 2002

Kimma-BN/I

KIMMA HORMATI KEPUTUSAN DEWAN TERTINGGI BN

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) hari ini berkata mereka menghormati keputusan dewan tertinggi Barisan Nasional (BN) yang menolak permohonan parti itu menyertai BN.

Presiden Kimma Haji Mohamed Hanifa hari ini berkata mereka patuh kepada keputusan itu walaupun tidak ada parti komponen BN yang membantah kemasukan Kimma dalam BN.

"Mungkin masanya belum tiba dan kami akan tunggu masa yang tepat," katanya dalam satu kenyataan hari ini. Ia merupakan usaha kedua Kimma untuk menyertai BN selepas gagal tahun lepas.

Dewan tertinggi BN semalam menolak permohonan tiga parti politik untuk menyertai BN. Selain Kimma, dua parti lain ialah Barisan Progresif India Malaysia (IPF) dan Parti Punjabi Malaysia.

Mohamed menggesa anggota dan panyokong parti itu supaya tidak kecewa dengan keputusan tersebut malah harus terus memberi sokongan penuh seperti biasa dengan harapan kehendak dan aspirasi parti itu akan dapat dipenuhi tidak lama lagi.

Katanya parti itu telah disusun semula sejak beberapa tahun kebelakangan ini bagi meningkatkan imejnya bagi menarik lebih ramai anggota menyertai parti itu.

Kimma baru-baru ini melancarkan kempen mendaftar anggota baru di seluruh negara bagi memenuhi sasaran menarik 150,000 anggota menjelang akhir tahun ini, katanya.

"Namun kebimbangan utama kami ialah generasi akan datang, yang mungkin terpengaruh oleh propaganda pembangkang," katanya.

Mohamed berkata jika Kimma diterima sebagai anggota komponen BN, ia merupakan satu kelebihan bagi menarik lebih ramai anggota untuk menyokong kerajaan.

"Penerimaan dalam BN boleh menjadi faktor pengerak bagi komuniti India Muslim membabitkan diri secara aktif dalam aktiviti politik. Kami yakin hanya BN sahaja mampu memenuhi kehendak masyarakat kaum ini," katanya.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN serta pemimpin BN lain kerana menimbang permohonan Kimma untuk menyertai BN.

-- BERNAMA

DC AHH LAT